

BH : Varsiti 30/1 (Khamis)
m/s V5

Kenali dunia sains

Gambang: Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) mendapat pendekaran mengenai potensi dan peluang dalam industri sains dan teknologi menerusi program *My Crazy Idea for the Nation* di kampusnya di sini, baru-baru ini.

Program tiga hari bertema 'Inovasi Penjana Masyarakat Lestari' itu sarat dengan pelbagai aktiviti menjurus kepada percambahan idea pemikiran kreatif dan inovatif.

Pengarah program, Saravanan Jayakumar, berkata antara

pertandingan *I'm a Green Scientist* dan perkongsian ilmu kajian sains dari perspektif al-Quran yang disampaikan oleh pensyarah UMP, Ahmad Irfan Hisham.

Pengalaman angkasawan

"Pelajar juga berpeluang bertemu Angkasawan Negara, Mejaz Dr Faiz Khaleed yang berkongsi minat dan pengalaman mengikuti program angkasawan Malaysia," katanya.

Aktiviti permotoran, Showcase Bikes UMP, gerai jualan serta pamer-

“**PELAJAR JUGA BER-
PELUANG BERTEMU
ANGKASAWAN
NEGARA, MEJAZ
DR FAIZ KHALEED
YANG BERKONGSI
MINAT DAN
PENGALAMAN”**

Saravanan Jayakumar,
Pengarah program



Angkasawan Negara, Dr Faiz (tengah) berkongsi pengalaman mengikuti program angkasawan dengan pelajar UMP bersempena dengan Program My Crazy Idea for the Nation di kampus UMP, Gambang, Pahang.

ran oleh agensi dan syarikat swasta termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Jabatan Kimia, Avail Company dan Celcom turut memeriahkan program.

Program itu dianjur-

kan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, Persatuan Scitex serta Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP.

Majlis perasmian program disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Panching,

Datuk Mohd Zaili Besar yang turut menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Inovasi. Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Profesor Dr Yusserie Zainuddin.